

PENGARUH KHILAFAH OTHMANIYYAH TURKI DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN JOHOR BAGI MEMARTABATKAN SEBUAH NEGARA ISLAM MERDEKA DI ASIA TENGGARA¹

Abd Jalil Borham
jalil@ump.edu.my

PENDAHULUAN

Kegemilangan kesultanan Johor banyak dipengaruhi oleh hubungannya dengan Khilafah Othmaniyyah. Ia diperintah oleh pemerintah-pemerintah dari Kesultanan Melaka sehingga tahun 1699 Masihi iaitu dengan kemangkatan Sultan Mahmud Shah yang digelar juga “Sultan Mangkat Dijulang.” Mengikut *Hikayat Johor* karangan Mohd Said Haji Sulaiman, selepas kemangkatan Sultan Mahmud maka putuslah nasab Sultan Johor. Selepas kemangkatannya, kerajaan Johor diperintah oleh golongan Bendahara dengan dilantik putera Tun Habib Dato’ Bendahara Sri Maharaja Padang Saujana Johor sebagai Sultan dengan gelaran Sultan Abdul Jalil (Mohd Said Haji Sulaiman: 1940). Walau bagaimanapun mengikut *Salasilah Melayu dan Bugis*, keturunan Raja dan Bendahara Johor adalah berasal dari satu keturunan (Mohd Yusuf Md Nor: 1984). Daripada keturunan Bendahara Sri Maharaja inilah negeri-negeri Melayu telah berpecah kepada beberapa buah negeri dengan diperintah oleh Sultan Johor, Sultan Pahang, Sultan Lingga-Riau, Sultan Selangor dan Sultan Perak.

Kesultanan Johor-Riau pula telah ditubuhkan dengan bantuan “anak-anak Raja Bugis Lima Bersaudara” yang dapat mengalahkan Raja Kecil pada tahun 1722 Masihi. Raja Kecil telah mengaku dirinya sebagai waris “Sultan Mahmud mangkat dijulang.” Kemudian dilantik Sultan Sulaiman putera kepada Sultan Abdul Jalil sebagai Sultan Johor-Riau (Ibid). Kenyataan kedua-dua sumber di atas jelas menunjukkan bahawa pemerintah Johor selepas tahun 1699 Masihi adalah daripada keturunan Bendahara Melaka. Ia berkekalan sehingga kepada pemerintahan Sultan Mahmud Ibn Sultan Abdul Jalil (Ibid). Baginda telah meninggalkan dua orang putera iaitu Tengku Hussin dan Tengku Abdul Rahman. Dengan kedatangan Sir Stamford Raffles pada tahun 1819M, kerajaan Johor-Riau telah dibahagikan kepada dua kerajaan iaitu Tengku Hussin sebagai Sultan Johor dan Singapura, manakala Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan Riau-Lingga (Ernst Ulrich Kratz: 1973).

Pembahagian tersebut telah memulakan zaman kejatuhan empayar Johor-Riau pada abad ke-18 Masihi. Pembahagian rasmi kedua-dua negeri tersebut dibuat pada tahun 1824 Masihi di antara Inggeris yang mewakili Sultan Johor dan Singapura, dengan Belanda yang mewakili Sultan Riau-Lingga (ibid). Walau bagaimanapun hubungan kedua-dua kerajaan tersebut terus berjalan dengan baik sehingga lenyap kerajaan Riau-Lingga pada tahun 1911 Masihi apabila Sultan Abdul Rahman Muazzar Shah iaitu Sultan Riau-Lingga yang kelima dipecat oleh pemerintah Belanda (Buyong Adil: 1980). Pengaruh Khilafah Othmaniyyah telah menjadikan

¹ Kertas kerja **Ucaptive Simposium Isu-Isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011) Peringkat Kebangsaan** di Sudut Wacana ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 8-10 April, 2011.

hubungan dua kerajaan ini begitu kuat dalam melaksanakan sistem pemerintahan Khilafah Islam. Kewujudan tokoh-tokoh karyawan Islam seperti Raja Ali Haji dan Raja Ali Kelana pula banyak mendekatkan Johor dengan pengaruh Khilafah Othmaniyyah dari aspek pentadbiran, perundangan, pendidikan dan sebagainya.

HUBUNGAN JOHOR DENGAN KHILAFAH OTHMANIYYAH

Pada pertengahan tahun 1860an, Sultan Abu Bakar dalam rangka lawatannya ke Eropah telah berkesempatan melawat Khalifah Othmaniyyah di Istanbul. Sebagai tanda ke atas hubungan baik kedua belah pihak, baginda kemudiannya diiktiraf sebagai Sultan Johor oleh Kerajaan Othmaniyyah Turki mulai 13.02.1886. Baginda memakai gelaran sultan dengan gelaran Sultan Abu Bakar Alkhalil Ibrahim Shah. Baginda juga telah dikurniakan dua orang wanita iaitu Khadijah Hanum untuk bernikah dengan Sultan Abu Bakar dan Ruqayyah Hanum untuk bernikah dengan Engku Majid bin Temenggong Ibrahim iaitu adinda Sultan Abu Bakar. Mereka dari wanita-wanita kesayangan ibu sultan dan isteri Sultan. Tugasnya adalah sebagai pengelola di istana Khilafah. Mereka dari keturunan Kaukasia di utara Turki, kini dipanggil Georgia, Rusia.

Perkahwinan Sultan Abu Bakar dengan Khadijah Hanum berlangsung pada 22.09.1893 di Istanbul, Turki dan telah dilantik menjadi Sultanah pada 28.02.1894 di Istana Zahara, Johor Baharu. Seorang wanita berbangsa Turki. Mangkat di Woodneuk, Tangling, Singapura pada 01.02.1904 dan dimakamkan di Makam Temenggong. Manakala perkahwinan Ruqayyah Hanum dengan Ungku Abdul Majid telah menghasilkan tiga orang cahaya mata. Salah seorang daripadanya ialah Ungku Abdul Hamid, ayah kepada Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, bekas Naib Canselor Universiti Malaya.

Hubungan Johor dengan Khilafah Othmaniyyah amat akrab khususnya sejak tahun 1885 iaitu apabila Johor diperintah oleh Sultan Abu Bakar hinggalah tahun 1922 di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim. Beberapa buah bangunan khasnya istana-istana dan masjid-masjid dipengaruhi oleh bentuk-bentuk bangunan lama di wilayah Khilafah Othmaniyyah. Pada 22 Februari 1893, Sultan Abu Bakar dan Dato' Abdul Rahman bin Andak iaitu Dato' Seri Amar DiRaja Johor telah melawat ibukota Khilafah Othmaniyyah dan berjumpa dengan Sultan Abdul Hameed Ke-2 di Turki. Sultan Abu Bakar dan pengiring-pengiringnya dikurniakan bintang-bintang kebesaran Darjah Utama Khilafah Othmaniyyah. Hikayat Johor meriwayatkan (Mohd Said Haji Sulaiman: 1951):

“Hingga pada akhirnya lantastlah Yang Maha Mulia (Sultan Johor) berjumpa dengan Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Khan di Konstantinopel (Istanbul). Maka diterimalah oleh baginda dengan sebaik-baik terimaan serta diraikan dengan secukup-cukupnya kerana amatlah gemar Yang Maha Mulia Sultan Turki itu melihatkan seorang raja sebelah timur begitu baik bawaan dan aturannya pada hal beragama Islam.”

PENGARUH KHILAFAH OTHMANIYYAH DI JOHOR

Berdasarkan hubungan Johor dan Khilafah Othmaniyyah yang begitu erat, dapat dikatakan bahawa Johor sebenarnya telah diperintah menggunakan sistem Khalifah, iaitu berada di bawah naungan Khilafah Othmaniyyah dan bukannya sistem "British" seperti yang di gambarkan di dalam buku-buku sejarah. Ini dapat dibuktikan semasa dalam Perjanjian Inggeris Johor Tahun 1885, di mana Inggeris menganggap Johor sebuah negeri yang berdaulat dan merdeka kecuali dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal luar yang diserahkan kepada Inggeris (Ronald Braddell: 1931). Dengan termeterainya perjanjian tersebut juga Inggeris telah mengiktiraf Maharaja Johor sebagai Sultan sebagaimana yang dikurniakan oleh Khilafah Othmaniyyah bagi negeri dan jajahan Johor. Hal ini terkandung di dalam Fasal ketujuh Perjanjian 1885, "*Bahawa sanya Yang Maha Mulia Maharaja Johor telah memberi ketahuan kepada Gabenor Strait Settlement maksud orang besar-besarnya dan orang-orangnya ialah baginya supaya memakai gelaran Sultan yang demikian diperjanjikan iaitu pada menimbangkan persahabatan yang setia dan keadaan muhibbah.*"

Hakikat yang berlaku, jawatan Konsul di negeri Johor tidak diwujudkan dan bagi memudahkan hubungan Inggeris-Johor, Sultan Abu Bakar telah menubuhkan sebuah lembaga penasihat yang bernama Jemaah Penasihat Johor yang ahli-ahlinya terdiri daripada sahabat-sahabat baginda sendiri (Buyong Adil: 1980). Tindakan ini adalah merupakan bantahan tidak secara langsung yang dilakukan oleh Johor bagi meneruskan kedudukannya sebagai sebuah negeri yang merdeka. Kejayaan tindakan ini adalah mengikut syor yang dibuat oleh Dato' Sri Amar Diraja sebagaimana kenyataannya, "*...supaya sesuai dengan dasar sebuah negeri yang merdeka, bolehlah Johor menerima seorang pegawai British yang bertaraf Konsul iaitu hanya bertugas sebagai pegawai dalam Jabatan Konsul, itu pun apabila diminta kepada kerajaan Johor oleh Setiausaha Jajahan British di London*". Namun daripada jawapan yang diberikan oleh Pejabat Jajahan di London menunjukkan bahawa Johor adalah sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat. Ini dapat dilihat di dalam kenyataannya, "*Bahawa hubungan di antara Raja pemerintah negeri Johor dengan Ratu Inggeris ialah hubungan persahabatan, bukannya hubungan menguasai atau menakluki*" (Ibid).

Bagi mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai seorang pemerintah yang merdeka dan berdaulat, dalam tahun 1885 baginda telah menubuhkan Pasukan Askar Timbalan Johor bagi mempertahankan kesultanan Johor daripada dicabuli oleh kuasa-kuasa luar (Keith Sinclair: 1967). Seterusnya sebagai seorang "Bapa Pemodenan Johor", Sultan Abu Bakar telah berusaha mengadakan berbagai-bagai jabatan bagi melicinkan lagi pentadbiran kerajaan negeri Johor menyamai negara-negara maju di bawah pemerintahan Khilafah Othmaniyyah. Ini dapat dilihat dengan adanya Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Perbendaharaan, Pejabat Audit, Mahkamah Besar, Pejabat Percetakan Kerajaan, Jabatan Kerjaraya, Polis, Pejabat Ukur, Pejabat Tanah, Pejabat Pelajaran dan lain-lain. Pentadbiran negeri dijalankan mengikut arahan baginda Sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri serta dibantu juga oleh beberapa orang bangsa Eropah (Ibid).

Pada tahun 1887 Masihi, Sultan Abu Bakar masih mengulangi hak baginda sebagai raja yang merdeka dan berdaulat. Baginda pernah memberitahu Pejabat Jajahan dengan kenyataannya, "*Pada masa ini, beta merasa keberatan hendak menerima wakil Britis.*"

(M.B.Hooker: 1984). Pada 14hb. April,1895, Sultan Abu Bakar telah mengadakan suatu istiadat di Istana Besar Johor Bahru kerana menandatangani dan mengisytiharkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 (Fawzi Basri: 1983) iaitu perlembagaan bertulis yang pertama di negeri-negeri Melayu yang disediakan oleh Jemaah Menteri-Menteri baginda dengan dibantu oleh Syarikat Peguam Messrs Rodyk and Davidson di Singapura. Antara peruntukan Undang-Undang Tubuh tersebut ialah menjadikan agama Islam sebagai agama negeri di negeri Johor (Undang-Undang Tubuh Johor: Fasal 57).

Penekanan dalam menjadikan pemerintah Johor sebagai seorang pemerintah negeri yang merdeka dan berdaulat masih diberi perhatian utama di dalam perlembagaan tersebut (Ibid: Fasal 15). Kenyataan ini dapat dilihat dengan termaktubnya beberapa peruntukan yang menyebut raja tidak boleh sama sekali bertindak menyerahkan negeri kepada kerajaan-kerajaan lain. Begitu juga dengan Menteri-Menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan Negeri tidak boleh sekali-kali berikhtiar atau membuat sebarang perjanjian dengan sebarang kuasa atas kerajaan Eropah atau yang selain daripada itu dengan maksud hendak menyerahkan negeri dan kerajaan Johor (Ibid: Fasal 16). Seterusnya di dalam Fasal 59 menyebut, “*Bahawa negeri Johor “akan tertinggal di dalam keadaan persahabatan dan pakatan yang baik selama-lama serta kekalnya dengan lain-lain negeri” istimewa dan terutama sekali dengan Inggeris atau bangsa dan kerajaan Inggeris.*”

Di atas kebijaksanaan dan kewibawaan baginda, wajarlah ahli-ahli sejarah memberi gelaran kepada baginda sebagai “*Caliph of The Arabian Nights*”(Fawzi Basri: 1978). Pada tahun 1895, Sultan Abu Bakar telah mangkat dan Almarhum digantikan oleh anakandanya yang bernama Sultan Ibrahim (1895-1959M) (Rupert Emerson: 1979). Baginda telah meneruskan dasar pemerintahan ayahandanya dengan meletakkan Johor sebagai sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat (Buyong Adil: 1980). Dengan nasihat yang diberikan oleh Dato’ Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak, baginda telah menolak berbagai rancangan Inggeris hendak menjadikan Johor negeri naungannya.

PERSAMAAN BENDERA KHILAFAH OTHMANIYYAH DAN JOHOR

Beberapa bukti hubungan di antara Khilafah Othmaniyyah dan Johor ialah persamaan bendera dan lambang kedua negara dan hanya berbeza pada warnanya.



Bendera Khalifah Othmaniyyah



Bendera Negeri Johor



Bendera Sultan Johor



Bendera Kerajaan Riau Lingga

Beberapa lawatan Sultan Abu Bakar atau nama panggilanannya Albert Baker ke Khilafah Othmaniyyah telah dilakukan iaitu pada tahun 1866, tahun 1879 dan tahun 1893. Pada tahun 1894, Kapal Perang Attughrul dari Turki telah mendarat di Istana Besar Johor. Seruan dan doa untuk Raja-Raja juga telah dibacakan dan buat pertama kali telah digunakan pada tahun 1895 mengikut adat dan amalan Khalifah Othmaniyyah Turki dan seterusnya ditiru oleh negeri-negeri lain di Malaysia hingga kini. Pada tahun 1904, pegawai Khilafah Othmaniyyah telah diberikan bintang kebesaran Kerajaan Johor. Raja Ali Kelana dari Riau telah dilantik menjadi Sheikh Al Islam, satu jawatan yang lebih tinggi dari Mufti Kerajaan seperti yang digunakan oleh Khilafah Othmaniyyah Turki. Raja Ali Kelana telah dihantar ke Turki untuk mendalami undang-undang mal Islam iaitu "*Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah*" pada tahun 1883, 1895, 1899 dan 1913. Kemudian Majalah ini diterjemahkan dan dinamakan dengan "*Majalah Ahkam Johor*" pada tahun 1913. Syed Hasan dan Syed Abu Bakar al-Attas dan 4 orang pegawai kerajaan Johor juga telah dihantar menghadiri persidangan khilafah pada tahun 1926 sebagai wakil Sultan Johor.

Penubuhan sekolah-sekolah agama kerajaan Johor juga mempunyai persamaan dengan Maktab Othmani di Turki. Kitab-kitab rujukan seperti *Matla`al Badrain* yang digunakan di sekolah-sekolah agama Johor adalah terjemahan dari kitab-kitab di Maktab Othmani Turki.



Darjah kebesaran Khilafah Othmaniyyah



Darjah kebesaran Johor

Anugerah gelaran "Sultan" kepada Sultan Abu Bakar adalah pemberian Khilafah Othmaniyyah semasa lawatan baginda ke Turki pada tahun 1866. Sebelum itu Khilafah Othmaniyyah juga telah memakaikan gelaran Sultan kepada Sultan Melaka sebagaimana dicatatkan di dalam Buku "Hikayat Hang Tuah", iaitu Sultan Muzaffar Shah telah menghantar

Hang Tuah ke Turki untuk mendapat pengiktirafan dari Khalifah untuk memakai gelaran Sultan. Begitu juga dengan Pasai dan Sultan Aceh Iskandar Alam, kesemua mereka mengadap Khalifah untuk mendapat pengiktirafan memakai gelaran Sultan.

TOKOH KARYAWAN ISLAM KERAJAAN JOHOR

Menyingkap rahsia kehebatan Khilafah Turki Othmaniyyah, antaranya ialah hubungan pemerintah dengan ulamak sebagai penasihat khususnya ulamak sufi. Golongan ulamak ini juga adalah pelopor kepada penyebaran dakwah Islamiah empayar Othmaniyyah sehingga ke Eropah dan Asia Tengah. Hubungan dengan golongan sufi khususnya Tarikat Naqsabandiyyah yang begitu banyak diamalkan di Turki merupakan aset strategik kepada Khilafah Othmaniyyah. Ulamak Melayu yang mendapat perhatian Khilafah Turki Othmaniyyah ialah Syeikh Ahmad al-Fatani iaitu ulamak Melayu tersohor. Beliau adalah guru kepada Raja Ali Haji dan Raja Ali Kelana di Mekah, dua orang tokoh karyawan dan sasterawan yang terkenal dalam Kerajaan Johor.

A) RAJA ALI HAJI BIN RAJA HAJI AHMAD (1808 - 1873)

Zaman kegemilangan kesultanan Johor-Riau telah melahirkan beberapa orang tokoh kebudayaan Islam dan salah seorang yang begitu terkenal ialah Raja Ali Haji (1809-1870M) (Hassan Junus: 1988). Ketokohan beliau bukan sahaja di bidang sejarah dan bahasa, tetapi juga terkenal sebagai seorang ahli undang-undang dan adat istiadat Melayu (Abu Hassan Sham: 1981). Kewujudannya pada abad tersebut telah membawa Johor bangun sebagai sebuah pusat penyebaran Islam di Nusantara menggantikan zaman kerajaan Islam Aceh. Kegemilangan kerajaan Johor-Riau dikenali juga sebagai zaman kegemilangan kesusasteraan Islam di Nusantara (A. Samad Ahmad: 1974). Pengaruh Raja Ali Haji telah tersebar luas ke seluruh Nusantara terutamanya kepada kerajaan Johor yang menjadi “Kerajaan Kembarnya.” Ini dibuktikan dengan tindakan Temenggong Abu Bakar yang menghantar Engku Haji dan Bentara Johor ke Pulau Penyengat untuk meminta pendapat Raja Ali Haji sama ada baginda boleh memakai gelaran Sultan ataupun tidak (Ibid). Gelaran tersebut telah dikurniakan oleh Sultan Abdul Hamid II pemerintah Khilafah Othmaniyyah di Turki.

Dua buah buku karangan beliau dalam bidang undang-undang dan adat istiadat Melayu iaitu “*Muqaddimah fi Intizam al-Waza’if al-Mulk*” (Raja Ali Haji: 1304H) dan “*Thamarat al-Muhimmah Diyafah li al-Umara’ wa al-Kubara’ li ahl al-Mahkamah.*” (Raja Ali Haji: 1304H). Dua buah karya undang-undang Raja Ali Haji ini dapat menunjukkan kepada kita yang beliau sebagai seorang yang terpelajar dan banyak mengetahui mengenai adat istiadat Melayu dan undang-undang Islam terutama yang berkaitan dengan perlembagaan. Pengaruh kedua-dua karya beliau ini dapat dilihat dalam pembentukan Undang-Undang Tubuh Johor 1895 sebagai perlembagaan bertulis pertama di Tanah Melayu yang dihasilkan semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar. Misalnya dalam perlantikan raja, pembesar negeri, menteri-menteri serta pegawai-pegawai kerajaan yang disebutkan di dalam “*Thamarat al-Muhimmah*” ada persamaannya dengan perkara 3, perkara 10 dan perkara 30 Undang-Undang Tubuh Johor.

Dalam menghasilkan kedua-dua karya ini, beliau banyak menggunakan sumber-sumber dari al-Qur'an dan juga karya-karya dari ulamak-ulamak Islam. Mengikut Abu Hassan Sham (1987), semasa beliau melahirkan "Thamarat al-Mahimmah", beliau telah menggunakan buku-buku rujukan seperti kitab "Fath al-Wahhab" karangan Zakariyya Ibn Yahya al-Ansari, kitab "Fath al-Mu'in" karangan Syeikh Zainuddin bin Abdul Aziz al-Malabari dan kitab "Ihya' `Ulum al-Din" karangan Imam al-Ghazali.



Raja Ali Haji

Raja Ali Haji dilahirkan di Pulau Penyengat, Wilayah Kepulauan Riau, Indonesia pada tahun 1808 dari ayah bernama Raja Ahmad (bergelar Engku Haji Tua) dan seorang ibu bernama Hamidah binti Panglima Malik Selangor. Raja Ali Haji adalah cucu dari Raja Haji Fisabilillah Yang Dipertuan IV dari Kerajaan Riau-Lingga dan merupakan keturunan bangsawan Bugis. Raja Ali Haji memiliki beberapa saudara lelaki dan perempuan dari ayah yang sama, iaitu Raja Haji Daud, Raja Endut alias Raja Umar, Raja Salehah, Raja Cik, Raja Aisyah, Raja Abdullah, Raja Ishak, Raja Muhammad, Raja Abu Bakar, dan Raja Siti (bungsu). Keluarga Raja Ahmad ini termasuk orang-orang yang gemar menulis. Sebagai sasterawan, Raja Ahmad pernah menghasilkan tiga buah karya iaitu *Syair Engku Putri*, *Syair Perang Johor* dan *Syair Raksi*. Darah sasterawan yang ada pada diri Raja Ahmad tumbuh dan berkembang lebih besar pada diri Raja Ali Haji (Wan Mohd Saghir Abdullah: 1990).

Sejak kanak-kanak, Raja Ali Haji mendapat pendidikan di lingkungan istana kerajaan Penyengat dari para ulamak yang datang dari berbagai negeri untuk mengajar agama Islam. Untuk menambah wawasan, Raja Ali Haji seringkali mengikuti perjalanan ayahnya ke berbagai daerah untuk berdagang, termasuk perjalanan pergi haji. Pada tahun 1822 beliau bersama ayahnya pergi ke Betawi berjumpa Gabenor Jendral Baron van der Capellen. Saat itu, ia sempat menonton "Komidi Belanda" di "Schouwbrug" (sekarang Gedung Kesenian Jakarta). Pada tahun 1826, beliau bersama ayahnya juga telah berniaga ke pulau Jawa dan sempat bertemu dengan Residen Jepara D.W. Punket van Haak. Sekitar tahun 1827, Raja Ali Haji bersama ayahnya pergi menunaikan ibadah haji ke Mekah. Kemudian tinggal di sana selama setahun untuk memperluas pengetahuan agama. Di Mekah, beliau sempat belajar beberapa bidang ilmu Islam dan bahasa Arab daripada Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani.

Berbekal pengembaraan intelektual dan pengalaman yang telah dilaluinya, Raja Ali Haji membesar menjadi pemuda berwawasan luas. Meskipun usianya masih muda, ia sudah dikenal

sebagai seorang ulamak yang seringkali diminta fatwanya oleh pihak kerajaan. Pada tahun 1845, Raja Ali bin Raja Jafaar diangkat menjadi Yamtuan Muda, dan Raja Ali Haji dikukuhkan sebagai penasihat keagamaan negara. Pada tahun 1858, Yang Dipertuan Muda Riau IX Raja Abdullah Mursyid telah mangkat dan Raja Ali Haji diberi amanat untuk mengambil alih segala urusan yang berkaitan dengan undang-undang Islam. Meskipun ia memiliki kedudukan penting di pemerintahan Kerajaan Riau-Lingga, namun tugasnya sebagai penulis karya tidak terjejas.

Penulisannya merangkai kata-kata, sehingga hasil karyanya meliputi berbagai bidang bahasan, seperti keagamaan, kesusasteraan Melayu, politik, sejarah, falsafah dan juga undang-undang. Raja Ali Haji membuktikan dirinya tidak hanya sekadar sejarawan, tetapi juga seorang ulamak, pujangga, dan sasterawan yang memiliki komitmen memelihara nilai keislaman serta rasa tanggung jawab terhadap masyarakat. Ia dikenal sebagai pencatat pertama dasar-dasar tata bahasa Melayu dengan karyanya *Pengetahuan Bahasa* yang menjadi standard bahasa Melayu yang kemudian dalam Kongres Pemuda Indonesia 28 Oktober 1928 ditetapkan sebagai bahasa nasional, bahasa Indonesia. Ia juga dikenal sebagai sejarawan dengan karyanya berjudul *Tuhfat al-Nafis*, dan sebagai sasterawan dengan karyanya *Gurindam Duabelas*.

Raja Ali Haji wafat pada tahun 1873 dan dimakamkan di Pulau Penyengat, iaitu di kompleks pemakaman Engku Putri Raja Hamida. Untuk melestarikan karya-karyanya, pada awal tahun 1890, segenap sanak keluarganya mendirikan perkumpulan bernama *Rusdyiah Club* yang bergerak di bidang pembinaan umat serta penerbitan buku-buku Islam. Sebagai ulama dan kalangan elit kerajaan, pemikiran Raja Ali Haji lebih banyak berkisar kepada pentadbiran kerajaan dan tradisi Melayu pada masa itu. Pemikiran tersebut, sebahagian besar tertumpu dalam berbagai karyanya. Dalam *Tuhfat al-Nafis*, disebutkan bahwa suasana Melayu telah memasuki masa moden dan kolonialisme, di mana masyarakat Melayu sedang menghadapi perubahan-perubahan di bidang sosial dan budaya. Maka Raja Ali Haji tampil sebagai seorang *askar* kerajaan untuk menjaga keberlangsungan tradisi dan budaya Melayu. Pemikiran Raja Ali Haji dinyatakan melalui himbauan moral yang ditujukan kepada elit kerajaan yang berkuasa, agar *melaksanakan kekuasaan mereka berdasarkan nilai dan norma Islam*.

Pemikiran Raja Ali Haji tersebut banyak berpengaruh pada masyarakat Melayu, khususnya para seniman dan budayawan di daerah Sumatera, Jawa, Tanah Melayu, Singapura, Brunei, bahkan hingga ke Belanda. Sebagai seorang ulama, pujangga, sejarawan dan budayawan, Raja Ali Haji telah banyak melahirkan karya berupa naskah dan cetakan dalam huruf Arab, antaranya:

- *Bustan al-Katibin Li al-Subyan al-Mutaallimin*, Yayasan Kebudayaan Indera Sakti Pulau Penyengat, (tahun 1983)
- *Kitab Pengetahuan Bahasa*, diterbitkan oleh Al-Mathba at Al-Ahmadiyah/Al-Ahmadiyah Press, Singapura (tahun 1345 AH).
- *Syar Hoekoem Nikah*,
- *Syair Siti Shianah Shahib al-Ulum wa al-Amanah*, Yayasan Kebudayaan Indera Sakti Pulau Penyengat (tahun 1983).

- *Gurindam Dua Belas* dan terjemahannya dalam bahasa Belanda oleh E. Netscher De Twaalf Spreukgedichten, diterbitkan oleh Tijdschrift van het Bataviaasch Genootschap II, Batavia (tahun 1854).
- *Muqaddimah Fi Intizam al-Wazaiif al-Mulk*, diterbitkan oleh Pejabat Kerajaan Lingga (tahun 1304 AH).
- *Thamarat al-Muhimmah*, diterbitkan oleh Pejabat Kerajaan Lingga (tahun 1304 AH).
- *Sinar Gemala Mestika Alam*, diterbitkan oleh Mathba at Al-Riauwyah, Pulau Penyengat (tahun 1313 AH).
- *Silsilah Melayu dan Bugis*, diterbitkan oleh Al-Imam, Singapura (tahun 1911).
- *Suluh Pegawai*, diterbitkan oleh Mathba at Al-Ahmadiyah, Singapura (tahun 1342 AH).
- *Siti Shianah*, diterbitkan oleh Mahtha at Al-Ahmadiyah/Al-Ahmadiyah Press, Singapura (tahun 1923).
- *Tuhfat Al-Nafis*, diterjemahkan oleh R.O Winstedt dan diterbitkan oleh The Malayan Branch of Royal Asiatic Society, Singapura (tahun 1932).
- *Syair Abdul Muluk*, Singapura.

Selain karya-karya tersebut di atas, Raja Ali Haji juga memiliki karya yang dicetak dalam huruf Latin, antara lain:

- E. Netscher, *De twaalf spreukgedichten; Een Maleisch gedicht door Radja Ali Hasji van Riouw, uitgegeven en van de vertaling en aanteekeningen voorzien*, Tijdschrift voor indische Taal-, Land-en Volkenkunde 2 : 11-32 (tahun 1854).
- *Bustanu al-Katibin*, diterjemahkan oleh H. Von de Wall, *Boekbeoordeling door H von de Wall: Kitab Perkeboenan bagi kanak-kanak jang hendak menoentoet berladjar akan dija*, Tijdschrift voor Indische Taal-, Landen Volekenkunde (tahun 1870).
- *Tuhfat Al-Nafis*, diterjemahkan oleh Encik Munir bin Ali, Malaysian Publication Ltd., Singapura (tahun 1965).
- *The Precious Gift (Tuhfat al-Nafis)*, diterjemahkan oleh Virginia Matheson & Barbara Watson Andaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur (tahun 1982).
- *Tuhfat Al-Nafis: Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji*, diterjemahkan oleh Virginia Matheson, Fajar Bakti, Petaling Jaya (tahun 1982).
- *Gurindam Dua Belas*, dalam Abdul Hadi W.M., *Sastra Sufi; Sebuah Antologi*, Pustaka Firdaus, Jakarta (tahun 1985).
- *Kitab Pengetahuan Bahasa*, diterjemahkan oleh R. Hamzah Yunus, Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Pekanbaru (tahun 198-1987).
- *Syair Abdul Muluk*, Balai Poestaka, Batavia, (tanpa tahun).
- *Syair Abdul Muluk*, diterjemahkan oleh Siti Syamsiar, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Pekanbaru (tahun 1988-1989).
- *Tuhfat al-Nafis*, Virginia Matheson Hooker, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur (tahun 1991).
- *Syair Suluh Pegawai*, Al-Mathba ah al-Ahmadiyah/al-Ahmadiyah Press, Singapura (17 Rabiul Awal 1342 AH/1923).
- *Penyair dan Tuan Puteri*, dalam Berkala Sastra *Menyimak*, terbitan ketiga 28 April – 28 Juli, Pekanbaru (tahun 1993).

MUQADDIMAH FI INTIZAM AL-WAZA'IF AL-MULK

Teks ini ditulis dalam tulisan jawi dalam sebuah buku kecil berukuran 17 x 10.5 sm dan tebalnya hanya 18 halaman sahaja. Ia dicetak di Pejabat Kerajaan Lingga pada bulan Rejab tahun 1304H bersamaan tahun 1887M. Ini bermakna teks ini dicetak setelah tujuh belas tahun penulisnya meninggal dunia.

Teks ini dianggap sebagai sebuah risalah peringatan Raja Ali kepada para pemerintah, khususnya kepada sepupunya yang memerintah kerajaan Riau bernama Yang Dipertuan Muda Raja Ali sebagaimana disebutkan di awal catatannya, "*Bermula al-Fakir ila ALlah Ta`ala al-Haq `ala Ibn Raja Ahmad al-Riawiyyah mempersembahkan hadiah ini akan jadi peringatan ke hadrat al-Mukarram Yang Dipertuan Muda Raja Ali.*"

Walau bagaimanapun secara umumnya risalah ini juga ditujukan kepada para pemerintah di Tanah Melayu, terutamanya kepada pemerintah kerajaan Johor ketika itu atas kedudukannya sebagai "kerajaan kembar" dengan kerajaan Riau-Lingga. Teks ini mengandungi pendahuluan dan tiga wazifah yang patut diperhatikan oleh pihak Raja dalam menjatuhkan sesuatu hukuman kepada rakyatnya.

THAMARAT AL-MUHIMMAH DIYAFAH LI AL-UMARA' WA AL-KUBARA' LI AHL AL-MAHKAMAH

Teks ini berukuran 11.5 x 7.5 sm dan mempunyai 79 halaman. Ia dicetak di Pejabat kerajaan Lingga pada bulan Muharram tahun 1304 Hijrah bersamaan tahun 1886 Masihi. Ini bermakna teks ini telah dicetak setelah 16 tahun penulisnya meninggal dunia. Tajuk teks ini ditulis dalam bahasa Arab dimaknakan dengan "Buah-Buahan Yang Dicitacita Hal Keadaan Jadi Jamuan Bagi Raja-Raja dan Bagi Orang Besar-Besar Yang Mempunyai Pekerjaan Di Dalam Tempat Berhukum" atau perkara-perkara penting yang perlu diperhatikan kepada para pemerintah dan para pembesar sebagai ahli mahkamah. Abu Hassan Sham menyatakan bahawa kandungan teks ini dirujuk kepada kitab "al-Ahkam al-Sultaniyyah" karangan Imam al-Mawardi dan kitab "Nasihah al-Mulk" karangan Imam al-Ghazali.

Thamarat al-Muhimmah memperlihatkan keunggulan seorang raja yang berpegang kepada ajaran Islam. Sebagai seorang bangsawan dan penasihat kepada pemerintah, Raja Ali Haji telah menyeru supaya golongan pemerintah memperbaiki diri mereka agar dapat melaksanakan pentadbiran dengan baik. Buku yang mengandungi tiga bab dan tujuh belas fasal ini sebenarnya ditujukan kepada golongan atasan, termasuk raja, menteri dan hakim mahkamah. Pengaruhnya begitu besar dalam pengubalan Undang-Undang Tubuh Johor 1895.

Dalam *Thamarat al-Muhimmah*, Raja Ali Haji juga menegaskan bahawa prasyarat untuk menjadi seorang raja dan elit kekuasaan, iaitu: harus beriman, cekap, adil, bijaksana, serta syarat-syarat lain yang menjadi kriteria konsep penguasa ideal. Baginya, kerajaan merupakan sistem politik yang tepat untuk membangun masyarakat Melayu. Oleh karena itu, kedudukan raja sangat penting dalam pembentukan kehidupan sosial-keagamaan kerajaan dan masyarakat. Bahkan pada salah satu pembahasannya, ia menentang kritikal pedas terhadap perilaku politik raja-raja

Melayu yang dinilai telah menyimpang dari nilai-nilai Islam. Dalam hal ini, ia merujuk pada konflik politik antara Sultan Mahmud dan Raja Indra Bungsu, yang berakhir dengan terjadinya kerusuhan pada tahun 1787. Menurut Raja Ali Haji, kes ini merupakan bukti bahawa ajaran Islam, khususnya pengendalian hawa nafsu, telah terabai dalam kehidupan politik raja-raja Melayu. Dalam pemikiran-pemikiran yang dilontarkan, Raja Ali Haji berusaha membangunkan kembali kekuatan politik kerajaan Melayu sebagai satu bangunan sosial-politik bagi masyarakat Melayu.

Permulaan pentadbiran kerajaan Johor Moden ialah pada tahun 1855 Masihi melalui Perjanjian 10hb, Mac, 1855 di antara Temenggung Daing Ibrahim dengan Bendahara Pahang Tengku Ali. Mulai tarikh itu juga Johor dikuasai sepenuhnya oleh keturunan keluarga Temenggung Daing Ibrahim. Di bawah pemerintahan Maharaja Abu Bakar (1862-1895M) sistem pentadbiran Johor telah dimajukan, ekonomi dikembangkan dan pengaruh politik telah diluaskan, sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Pada masa baginda juga ibu negeri Johor telah dipindahkan dari Teluk Belanga di Singapura ke Tanjung Puteri, Johor. Kemudian pada tahun 1866 Masihi namanya ditukarkan dengan Johor Bahru. Serentak dengan itu, undang-undang dan peraturan bagi menetapkan lembaga kerajaan telah diadakan. Maka segala pemerintahan dan hukuman telah dijalankan menurut aturan moden yang diambil dari undang-undang Islam dan undang-undang Inggeris yang tidak bercanggah dengan Islam. Undang-undang jenayah Johor di awal tahun 1860-an boleh dikatakan masih “primitif” disebabkan dalam satu kes disebutkan hukuman merompak masih menggunakan hukum adat iaitu diheret di tengah jalan, diikat dengan tali atau juga dipenjara dan dikenakan hukuman bekerja berat.

B) RAJA ALI KELANA BIN SULTAN MUHAMMAD YUSUF (1858 – 1899)



Raja Ali Kelana of Johor

Nama lengkapnya Raja Ali Kelana bin Sultan Muhammad Yusuf al-Ahmadi (Yamtuan Muda ke-10, 1858 Masihi - 1899 Masihi) bin Raja Ali (Yamtuan Muda ke-8, 1844 Masihi - 1857 Masihi) bin Raja Jaafar (Yamtuan Muda ke-6, 1808 Masihi - 1832 Masihi) bin Raja Haji asy-Syahidu fi Sabilillah (Yamtuan Muda ke-4, 1777 Masihi - 1784 Masihi) bin Upu Daeng Celak (Yamtuan Muda ke-2, 1729 Masihi - 1746 Masihi). Daripada nama-nama tersebut dapat disimpulkan bahawa lima orang Yamtuan Muda mulai ayah hingga ke atas adalah pertalian lurus pada Raja Ali Kelana. Raja Ali Kelana tidak sempat menjadi Yamtuan Muda kerana kerajaan

Riau-Lingga dimansuhkan oleh penjajah Belanda dan sultan terakhir Sultan Abdur Rahman Muazzam Syah, adik beradik dengan Raja Ali Kelana hijrah ke Singapura (1911 Masihi).

Perlu dicatatkan di sini bahawa mulai Yamtuan Muda yang pertama (Upu Daeng Merewah) tahun 1722 Masihi sampai tahun 1825 Masihi (masa pemerintahan Raja Jaafar Yamtuan Muda ke-6) bernama Kerajaan Riau-Lingga-Johor dan Pahang dan takluknya. Mulai tahun 1844 Masihi sampai tahun 1911 Masihi bernama Kerajaan Riau-Lingga dan takluknya.

Barangkali di dalam kerajaan Melayu yang memperoleh pangkat atau gelar 'Kelana' hanya disandang oleh keturunan raja Bugis di dalam kerajaan Riau-Lingga, sekurang-kurangnya yang paling terkenal dengan gelar itu ialah Raja Haji asy-Syahidu fi Sabilillah. Yang dimaksudkan dengan 'Kelana' ialah sebagai petanda calon untuk menjadi Yang Dipertuan Muda atau Yamtuan Muda. Raja Ali Kelana wafat pada hari Ahad, pukul 8.00 pagi di rumahnya di Jalan Teberau, Johor Bahru pada 10 Jamadilakhir 1346 Hijrah/4 Disember 1927 Masihi.

Pendidikan asas Raja Ali Kelana dalam bidang Islam, bahasa Melayu, bahasa Arab, adat istiadat kebangsawanan Melayu dan undang-undang pemerintahan adalah diperoleh di Riau. Di Riau pada zaman kanak-kanaknya sangat ramai ulama dan cendekiawan, sama ada yang berasal dari Riau seperti Raja Ali Haji yang sangat terkenal, mahu pun yang datang dari luar. Sewaktu Raja Ali Kelana akan ke Mesir, beliau singgah di Mekah dan sempat memperdalam pelbagai pengetahuan daripada Syeikh Ahmad al-Fathani, Sayid Abdullah az-Zawawi dan lain-lain.

Setelah selesai mengerjakan haji pada tahun 1322 Hijrah/Februari atau Mac 1905 Masihi, Raja Ali Kelana menerima *baiah Thariqat Naqsyabandiyah Mujaddidiyah Ahmadiyah Muzhharayah* daripada keluarga az-Zawawi, sekali gus beliau jugasebelum itu beramal dengan Thariqat Naqsyabandiyah al-Khalidiyah daripada Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minankabawi. Dengan baiah atau tawajjuh, Raja Ali Kelana juga diberi gelar dihujung namanya dengan 'al-Ahmadi' sebagaimana gelar yang pernah diberikan kepada ayahnya, Sultan Muhammad Yusuf al-Ahmadi. Yang dimaksudkan dengan 'al-Ahmadi' pada gelaran tersebut ialah dibangsakan kepada mujaddid (penemu sesuatu yang baru) Thariqat Naqsyabandiyah bernama Sayid Ahmad al-Muzhhar. Jika bergelar 'al-Khalidi' adalah dibangsakan kepada mujaddidnya yang bernama Syeikh Khalid al-Kurdi.

Organisasi yang pertama didirikan oleh orang Melayu ialah Jamiyatul Fathaniyah oleh Syeikh Ahmad al-Fathani di Mekah (1290 Hijrah/1873 Masihi) yang diikuti oleh murid-murid beliau dengan mendirikan pelbagai organisasi. Murid-murid Syeikh Ahmad al-Fathani di Riau termasuk Raja Ali Kelana mendirikan Jamiyatul Rusydiyah atau Rusydiyah Klab, 1298 Hijrah/1880 Masihi. Oleh orang-orang yang sama di Riau juga diasaskan Jamiyatul Khairiyah.

Raja Ali Kelana pernah menerima perlantikan daripada Syeikh Ahmad al-Fathani supaya bergerak dalam bidang percetakan untuk kawasan Singapura dan Riau yang berpusat di tempat pemerintah Riau-Lingga dijalankan, sedang Syeikh Daud bin Ismail al-Fathani untuk kawasan Kelantan dan Patani yang berpusat di Kota Bharu Kelantan. Dalam catatan didapati bahawa Raja Ali Kelana beberapa kali mengikut Syeikh Ahmad al-Fatani ke Istanbul, Turki-Othmaniyyah kerana urusan diplomatik politik dalam rangka membebaskan dunia Melayu daripada segala

macam bentuk penjajahan. Kepergiannya ke Turki yang dapat dicatat, antaranya pada tahun 1301 Hijrah/1883 Masihi, 1312 Hijrah/1895 Masihi dan setelah selesai mengerjakan haji pada akhir tahun 1322 Hijrah/Februari atau Mac 1905 Masihi atau Muharam 1323 Hijrah/ Februari atau Mac 1905 Masihi.

Setelah Syeikh Ahmad al-Fathani meninggal dunia, Raja Ali Kelana pergi ke Turki lagi pada tahun 1913 Masihi. Keberangkatan ke Turki itu dengan persetujuan antara Raja Ali Kelana dan Raja Khalid Hitam (cucu Raja Ali Haji), seorang ke Turki dan seorang lagi ke Jepun. Raja Khalid Hitam dalam tahun itu juga (1913 Masihi) berangkat ke Jepun untuk yang kedua kalinya. Pertama kali ke Jepun pada tahun 1911 Masihi. Sama ada ke Turki atau ke Jepun, tujuannya adalah mencari sokongan untuk mengembalikan kesultanan Riau-Lingga yang telah dimansuhkan oleh penjajah Belanda.

Pada tahun 1324 Hijrah/1906 Masihi, Syarikat Al-Ahmadi didirikan oleh Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Umar dan kerabat kerajaan Riau di Pulau Midai, Pulau Tujuh, yang direstui oleh Sultan Abdur Rahman Muazzam Syah, Sultan Riau-Lingga. Tidak berapa lama setelah syarikat itu diasaskan atas titah Sultan Riau-Lingga supaya Raja Ali Kelana (saudara Sultan) mengeluarkan modal bersama membeli sebuah kapal yang dinamakan 'Kapal Karang'. Kapal tersebut beroperasi mengangkut kelapa kering, hasil bumi lainnya dan hasil laut dari Pulau Tujuh ke Singapura dan sebaliknya dari Singapura ke Pulau Tujuh membawa semua barangan keperluan harian, terutama makanan dan pakaian. Tentang ini disebut oleh Raja Haji Ahmad di Singapura dalam surat kepada saudara sepupunya, Haji Abdullah bin Haji Wan Abdur Rahman (ayah penulis), Kuasa Ahmadi & Co. Midai di Pulau Midai.

Selain bergerak dalam perkapalan dan pengangkutan, Raja Ali Kelana adalah pemilik Syarikat Batam Bricks Works Limited yang bergerak dalam pemprosesan batu-bata di Pulau Batam, Riau. Syarikat itu mempunyai cawangan dan berpejabat di Singapura. Gerakan niaga Raja Ali Kelana mengalami kerugian besar dan berakhir pada tahun 1329 Hijrah/1911 Masihi. Kejatuhan perniagaan dan termasuk tekanan pihak penjajah Belanda terhadap Raja Ali Kelana merupakan sebab beliau pindah ke Johor. Di Johor beliau dilantik sebagai Syaikhul Islam Kerajaan Johor.

Antara hasil-hasil penulisan beliau ialah:

1. *Pohon Perhimpunan Pada Menyatakan Peri Perjalanan*, diselesaikan pada hari Sabtu, 23 Ramadan 1313 Hijrah/6 Mac 1896 Masihi. Kandungannya merupakan laporan perjalanan Raja Ali Kelana bersama conteleur Belanda ke Pulau Tujuh. Dimulai catatan ketika berangkat dari pelabuhan Tanjungpinang, hari Rabu 6 Ramadan 1313 Hijrah/19 Februari 1896 Masihi dan diakhiri dengan tiba kembali di pelabuhan yang sama pada hari Sabtu pukul 5.00 petang, 23 Ramadan 1313 Hijrah/6 Mac 1896 Masihi. Dicitak oleh Maktabah wa Mathba'ah ar-Riyauwiyah, Pulau Penyengat, 1315 Hijrah/1897 Masihi.

2. *Perhimpunan Pelakat*, diselesaikan pada tahun 1316 Hijrah/1899 Masihi. Kandungannya mengenai peraturan yang telah dimasyarakatkan antara Kerajaan Riau-Lingga dengan Gubernemen Hindia-Nederland dari tahun 1286 Hijrah hingga tahun 1307 Hijrah. Dicitak oleh Mathba'ah ar-Riyauwiyah, Pulau Penyengat, 1317 Hijrah. Karya pertama dan kedua ini telah

ditransliterasi daripada Melayu/Jawi ke Latin/Rumi oleh Hasan Junus dimuat dalam karyanya berjudul Pendokumentasian Naskah Kuno Melayu dan Kajian Khusus, diterbitkan oleh Pemerintah Daerah Tingkat I Propinsi Riau, Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah Riau Pekanbaru, 1993.

3. *Bughyatul Ani fi Hurufil Maani*, diselesaikan tidak diketahui tarikh. Kandungannya membicarakan tatabahasa. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, 1341 Hijrah/1922 Masihi

4. *Rencana Mudah Pada Mengenal Diri Yang Indah*, diselesaikan di Johor Bahru, pada 3 Rejab 1344 Hijrah/17 Januari 1926 Masihi. Kandungannya adalah pelajaran tasawuf yang ditulis dalam bentuk soal jawab. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 50 Minto Road, Singapura, 1344 Hijrah yang dibenarkan mencetak kepada Sahal bin Ahmad.

5. *Kesempurnaan Yang Lima Bagi Islam Menerima*, diselesaikan di Bukit Kenangan, Negeri Johor Bahru pada 3 Jamadilakhir 1345 Hijrah/8 Disember 1926 Masihi. Kandungannya, pelajaran fardu ain. Dicitak oleh Maktabah wa Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, 27 Ramadan 1345 Hijrah.

6. *Kumpulan Ringkas* atau judul yang lebih lengkap diungkapkan dalam bentuk bersajak *Kumpulan Ringkas * Berbetulan Lekas Pada Orang Yang Pantas * Dengan Fikiran Yang Lintas*, tanpa dinyatakan tarikh selesai penulisan. Kandungannya, terkumpul di dalamnya 31 keringkasan yang terdiri daripada 160 perbicaraan. Sub judul yang penting yang jarang dibicarakan tetapi termaktub dalam karya ini antaranya ialah Pada Menyatakan Kelebihan Akal, Jadi Bekal, Pada Menyatakan Berhimpun Bersatu Dengan Pengetahuan, Berpegang Kukuh Oleh Bangsawan, Pada Menyatakan Tawarikh Segala Raja-Raja Dahulu Kala, Pada Menyatakan Sultan Yang Ada Sekarang, Daripada Ayah-Bundanya Terang, Pada Menyatakan Asal Melayu Diambil Dalil, Daripada Al-Marhum Abdul Jalil, Pada Menyatakan Sebab Gelar Upu Kelana Dengan Shahihah, Yang Dipertuan Muda Sultan Alauddin Syah, Pada Menyatakan Hikayat Yang Keempat Ditanya Orang, Akan Aristoteles Dijawab Terang, Pada Menyatakan Hikayat Yang Keenam, Cetera Iskandar Muda Elok Ditanam, Pada Menyatakan Hikayat Yang Kesembilan, Yang Dikehendaki Bagi Sultan, Pada Menyatakan Hikayat Yang Kesepuluh Pada Perjalanan, Menteri Yang Elok Diperkenan, Pada Menyatakan Hikayat Yang Kesebelas Menteri Terpuji, Sunyi Mendapat Nama Yang Keji, Pada Menyatakan Hikayat Yang Kedua belasnya, Peri Berubah Niat Rajanya, Pada Menyatakan Hikayat Yang Ketiga belas, Menter Khianat Lagi Pemulas. Ringkasan Yang Ke-30 dan Ringkasan Yang Ke-31 diungkapkan dalam bentuk puisi/syair.

PENUTUP

Hubungan Johor-Turki adalah amat berlainan dengan hubungan Johor dengan negara-negara luar yang lain. Ia berlaku sejak kewujudan Khalifah Othmaniyyah Turki lagi dan di awal kewujudan kerajaan Johor Riau. Berbagai kenyataan dapat kita lihat yang menunjukkan bahawa hubungan Johor dengan Turki membawa suatu pengaruh baru ke negeri Johor. Misalnya cara berpakaian Sultan Johor, reka bentuk Masjid Abu Bakar, penciptaan kod Islam dan yang paling menarik penganugerahan darjah bintang hadiah daripada Sultan Abdul Majid

Turki. Mungkin juga Johor Bahru pada ketika itu boleh digambarkan sebagai sebuah “bandar kembar” dengan Istanbul.

Hubungannya dengan Turki sebagai sebuah negara Islam juga sesungguhnya telah memberikan kesan yang amat positif dalam perkembangan undang-undang Islam di negeri Johor. Ia bukan sahaja berlaku dalam aspek pentadbiran Johor, malahan dalam melahirkan tokoh-tokoh ilmuan Johor seperti Raja Ali Haji dan Raja Kelana. Seterusnya dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Johor bermula dengan Undang-Undang Tubuh Johor 1895 dan Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah sebagai undang-undang mal sejak tahun 1893 Masihi. Kemudian kod tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diberi nama “Majalah Ahkam Johor”. Ia dijadikan panduan rasmi berkenaan dengan hukum syara` di negeri Johor pada tahun 1913 Masihi. Sesungguhnya hubungan kedua negara ini telah meletakkan Islam di bumi timur sebagai sebuah negara yang tidak dijajah dan terus merdeka.

Rujukan:

- A. Samad Ahmad (1974), *Sejarah Kesusasteraan Melayu II*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham (1981), “Muqaddimah fi Intizam al-Waza’if al-Muluk Khususan ‘Ila Maulana Wa Sahibina Yang Dipertuan Muda Raja Ali Al-Mudabbir li al-Biladi al-Riyauwiyyah wa Sa’iri Da’iratihi”, dalam *Islamika*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Abu Hassan Sham (1987), “Karya-Karya Yang Berlatarbelakangkan Islam Dari Pengarang Melayu Riau-Johor Sehingga Awal Abad Kedua Puluh”, dalam *Tradisi Johor-Riau*, Kertas Kerja hari sastera 1983, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil (1980), *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ernst Ulrich Kratz (1973), *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, Wiesbaden: Otto Harrassowitz.
- Fawzi Basri (1983), *Warisan Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Hassan Junus (1988), *Raja Ali Haji, Budayawan di Gerbang Abad XX*, Jakarta: Universitas Islam Riau Press.
- Keith Sinclair (1967), “The British Advance in Johore 1885-1914”, *JMBRAS*, vol. 40, Pt. 1.
- M.B.Hooker (1984), *Islamic Law in South-East Asia*, London: Oxford University Press.
- Mohd Said bin Haji Sulaiman (1940), *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Mohd. Yusof Md. Nor (1984), *Salasilah Melayu dan Bugis*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Onn Jaafar (1935), *Selamat Johor, Tanda Kenang-Kenangan Pengingat Kesyukuran Ulang Tahun yang ke-40 bagi ke bawah DYMM Sultan Ibrahim bersemayam di Singgahsana Tahta Kerajaan Johor*, Singapura.
- Raja Ali Haji (1304H), *Muqaddimah fi Intizam al-Waza’if al-Mulk*, Johor: Pejabat Kerajaan Lingga.
- Raja Ali Haji (1304H), *Thamarat al-Muhimmah Diyafah li al-Umara’ wa al-Kubara’ li ahl al-Mahkamah*, Johor: Pejabat Kerajaan Lingga.
- Ronald Braddell (1931), *The Legal Status of the Malay States*, Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Shannon Hussein (1950), *Tawarikh Johor*, Johor Bahru: Jabatan Persuratan Guru-Guru Melayu.
- Shamsiah Ibrahim (1976), *The Administration of Islamic Law in Johor*, Tesis LLB Universiti Malaya, tidak diterbitkan.